

Pandemik Covid-19: Kesan Terhadap Gelagat Pengurusan Perbelanjaan Semasa Masyarakat Malaysia  
(*Covid-19 Pandemic: Impacts on Current Expenditure Management Behaviour among Malaysians*)

NORAZILA MAT\*, MUHAMMAD FARHAN MISRON, NUR ATIQAH ABDULLAH & JAMSARI ALIAS

ABSTRAK

Pandemik Covid-19 di Malaysia memberikan pelbagai impak dalam kehidupan seharian masyarakat. Pandemik yang menular ini secara tidak langsung telah menjejaskan pelbagai sektor dari sudut kesihatan, keselamatan, ekonomi dan sosial. Banyak kajian telah dilakukan ke atas kesan kesihatan masyarakat, namun kajian mengenai tingkah laku berbelanja dalam kalangan masyarakat masih kurang dikaji. Artikel ini ingin memahami gelagat pengurusan perbelanjaan semasa masyarakat Malaysia semasa pandemik Covid-19. Kajian ini melihat perbezaan pendapatan dan status pekerjaan masyarakat serta gaya mereka berbelanja. Data kajian diperolehi dari soal selidik terhadap 100 responden dari golongan bekerjaya yang berusia antara 19 hingga 60 tahun menggunakan Google Form. Data-data yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis menggunakan versi 22 Pakej Perisian untuk Sains Sosial (SPSS). Dapatan kajian mendapati kesan ke atas gaya perbelanjaan menjurus ke arah tumpuan keperluan melebihi kehendak namun perbezaan dalam sektor pekerjaan gelagat pengurusan perbelanjaan dalam kalangan responden semasa Pandemik Covid-19 adalah menarik untuk diteliti dan difahami.

Kata Kunci: Pandemik Covid-19, Gelagat Pengurusan Perbelanjaan, Masyarakat Malaysia.

ABSTRACT

*The Covid-19 Pandemic gives various impacts among Malaysians livelihood. This pandemic affects the health, safety, economic as well as social aspects of the society. Many have researched on the societal health, but less has studied on the expenditure management behavior. This article tries to understand the expenditure management and spending behavior among Malaysians during this Covid-19 pandemic. The study explore the differences of income and employment status among Malaysians as well as how their behavior on spending and expenditure. The data derived from 100 respondents aged 19 to 60 years old with various employment backgrounds using Google Form and later on analysed with Statsitical Package for the Sociisl Sciences (SPSS) version 22. The research found out that expenditure behaviour is more inclination towards necessities compared to wants but differentiations among working sector status and expenditure behaviour during pandemic Covid-19 are quite random and interesting to further elaborate.*

*Keywords: Pandemic Covid-19, Expenditure Baheviour Management, Malaysians.*

## PENGENALAN

Di penghujung tahun 2019 dunia telah dikejutkan dengan wabak pandemik Covid-19 yang menjejaskan pelbagai sektor ekonomi dan pekerjaan. Wabak yang membawa angka pesakit dan kematian yang tinggi itu menyebabkan banyak negara mengambil langkah berjaga-jaga dengan menguatkuasakan perintah berkurung dan kawalan pergerakan. Malaysia tidak terkecuali dari penguatkuasaan perintah yang berbentuk sedemikian, kerajaan Malaysia mula menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020. Menurut Pakar Ekonomi DM-Analytic Sdn Bhd, Zouhair Rosli, kaji selidik mendapati tiga daripada lima pekerja sektor tidak formal berpendapatan kurang daripada RM4,000 sebulan. Hampir 50 peratus kumpulan ini hilang pekerjaan semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Anon, 2020).

Gelagat berbelanja merupakan suatu kewajipan untuk melengkapkan keperluan kehidupan seharian. Malah, berbelanja juga dapat menjurus kepada keinginan terhadap sesuatu barangan mahupun perkhidmatan yang bukan keperluan asas dalam kehidupan. Sememangnya tidak menjadi masalah jika seseorang berbelanja terhadap keperluan mahupun kehendak sekiranya mencukupi tahap pendapatan mereka. Bukhari et al (2020) menjelaskan bahawa manusia mengeluarkan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk berbelanja sama ada barangan mahupun perkhidmatan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan harian.

Sektor pekerjaan yang terjejas akibat Covid-19 ini secara tidak langsung mengubah gaya berbelanja setiap isi rumah. Setiap individu terutama yang pendapatan mahupun kerjanya terjejas akibat Covid-19 seharusnya merancang pengurusan perbelanjaan mereka dengan lebih baik. Hal ini supaya perbelanjaan mereka terhadap keperluan asas hidup mencukupi mengikut pendapatan yang diperolehi. Maka kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti gelagat mengurus perbelanjaan masyarakat tempatan semasa Covid-19 dan melihat perbezaan gelagat berbelanja antara penjawat awam, swasta dan bekerja sendiri.

Beberepa data yang dikeluarkan oleh pemerhati ekonomi menunjukkan bahawa Pandemik Covid-19 ini telah memberi impak negatif terhadap banyak pekerjaan. Hal ini semakin meruncing apabila banyak pekerja yang kehilangan pekerjaan. Malah, terdapat sesetengah majikan yang terpaksa memotong atau terus tidak memberikan gaji terhadap pekerja mereka akibat sesetengah perniagaan terpaksa ditutup dan tidak dibenarkan beroperasi semasa PKP. Hal ini dibuktikan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di mana

dalam 3.3 billion tenaga kerja di peringkat global, empat daripada lima orang pekerja terjejas akibat penutupan premis sama ada separa atau sepenuhnya (Rabeatul Husna Abdull Rahman, 2020).

Masalah yang berlaku ini bukan hanya memberi impak kepada mereka yang bekerja swasta, malah menurut Anon (2020), golongan yang bekerja sendiri adalah paling terjejas akibat pandemik Covid-19. Menurut beliau, golongan yang bekerja sendiri dilaporkan golongan yang paling terjejas akibat pandemik ini. Malah 70 peratus daripada golongan itu mempunyai simpanan kurang daripada sebulan. Perkara ini menyebabkan ramai yang melakukan pekerjaan tambahan seperti menjadi penghantar makanan, pemandu e-hailing dan sebagainya untuk menampung perbelanjaan kehidupan harian. Faktor yang menekan golongan pekerja ini secara tidak langsung mengubah gaya dan corak berbelanja untuk sesebuah isi rumah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat kesan pandemik Covid 19 terhadap pendapatan dan perubahan dalam pengurusan perbelanjaan masyarakat Malaysia semasa Pandemik Covid-19. Kajian ini secara amnya mempunyai tiga objektif, iaitu:

- i. Menenalpasti kesan Pandemik Covid-19 terhadap pendapatan masyarakat.
- ii. Menganalisis perbezaan gaya berbelanja semasa Pandemik Covid-19 bagi pekerja berbagai sektor.
- iii. Menenalpasti kecenderungan masyarakat berbelanja ke arah keperluan ataupun kehendak.

## KAJIAN LITERATUR

### Pandemik Covid 19 dan Kesan-Kesannya

Berdasarkan penelitian keatas kajian-kajian lepas, didapati wabak penyakit berjangkit seperti Covid-19 memberi kesan terhadap pekerjaan dan tingkah laku berbelanja semasa pandemik. Menurut Siti Khairina & Abu Zarrin (2021) hal ini adalah di sebabkan situasi pandemik Covid-19 di seluruh dunia menunjukkan angka mangsa jangkitan dan kematian yang tinggi di beberapa buah negara seperti China, Itali dan Amerika Syarikat (AS). Malah Kementerian Kesihatan Malaysia turut mengeluarkan statistik yang menunjukkan trend peningkatan kes jangkitan yang sentiasa meningkat dan lebih tinggi daripada jumlah pesakit yang sembuh. Pandemik yang terus menular ini secara tidak langsung telah menjejaskan pelbagai sektor dari sudut kesihatan, keselamatan, ekonomi dan sosial di setiap negara. Namun pengkaji mendapati kajian mengenai

tingkah laku berbelanja didapati masih kurang dikaji dalam senario di Malaysia semasa wabak ini menular. Umpamanya kajian yang telah dilakukan oleh Gani et al. (2020) menjurus keadaan yang berlaku di Amerika Syarikat manakala Aziz (2020) dan Abu Hassan (2020) lebih kepada pendedahan isu kerisauan rakyat negara ini dan kaitan kepentingan gaya perbelanjaan masyarakat Malaysia hari ini.

#### Pandemik Covid-19 dan Kesannya Terhadap Status Pekerjaan

Pandemik Covid-19 yang menular ke seluruh pelosok dunia telahpun mengakibatkan banyak sektor ekonomi dan pekerjaan terjejas. Menurut Alzahrin Alias (2020) lebih 190,000 usahawan wanita yang kebanyakannya terbabit dalam perniagaan mikro dan sektor perkhidmatan turut terjejas disebabkan pandemik COVID-19. Malah, semasa wabak ini mula menular terdapat syarikat yang berdepan tempoh sukar sehingga menjejaskan pembayaran gaji dan perkara yang lebih menakutkan membuatkan ramai pekerja diberhentikan khidmat serta-merta.

Menurut Gani et al. (2020) menyatakan bahawa antara Februari dan April 2020, AS telah menyaksikan kerugian drastik dalam ukuran dan skop aktiviti ekonomi. Sektor ekonomi yang besar seperti pengangkutan, perhotelan, dan pelancongan terpaksa ditutup operasinya secara total semasa wabak ini menular. Namun bukan hanya AS sahaja yang melakukan perintah sedemikian, banyak negara yang telah menguatkuasakan pelbagai undang-undang untuk mengurangkan pergerakan dan memutuskan rantaian Covid-19 ini termasuklah negara Malaysia. Hal ini adalah kerana menurut Anon (2020) kaedah sekatan pergerakan dilihat sebagai satu pendekatan terbaik untuk mengawal penyebaran wabak berjangkit seperti coronavirus. Kenyataan ini jelas membuktikan bahawa situasi yang sama berlaku di negara Malaysia, di mana wabak ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan dan nyawa, namun turut memberikan impak langsung kepada hampir semua jenis sektor pekerjaan di negara kita (Anon, 2020a).

#### Kesan Perubahan Pekerjaan Terhadap Pendapatan

Bagi mereka yang bekerja dan berpendapatan, semestinya masalah berbelanja tidak menjadi suatu masalah. Namun bagi mereka yang dibuang kerja dan tidak berpendapatan, semestinya sukar untuk mengharungi episod getir semasa pandemik Covid-19 bahkan setiap individu mungkin berhadapan tekanan

berbeza disebabkan ketidaktentuan tempoh pandemik ini berlaku dan perkara ini yang menjadi keresahan rakyat termasuklah golongan majikan dan pekerja terhadap pekerjaan dan pendapatan mereka (Aziz, 2020). Oleh hal yang demikian, perkara ini tidak mustahil boleh berlaku semasa wabak ini terus menular dan mengakibatkan ramai pekerja dibuang dan tidak berpendapatan secara terus menerus.

Dalam suatu temu bual bersama mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa rakyat perlu menerima hakikat bahawa pendapatan mereka akan berkurangan selain risiko kehilangan pekerjaan selepas pendapatan syarikat mengalami kemerosotan. Mantan Perdana Menteri tersebut turut menasihati rakyat supaya mengubah gaya hidup yang melibatkan perbelanjaan tinggi sebelum ini bagi dalam mendepani cabaran baharu ekonomi negara akibat wabak Pandemik Covid-19 (Mohd Ridzuan Abu Hassan, 2020) Dalam konteks tersebut jelas menunjukkan bahawa banyak pendapatan rakyat yang terjejas dan mengakibatkan rakyat perlu mengamalkan gaya hidup baharu di mana berjimat cermat perlu diamalkan semasa berbelanja.

#### Kesan Perubahan Pendapatan Terhadap Gaya Perbelanjaan

Menurut sebuah kajian yang dilakukan untuk mengenalpasti gaya membeli masyarakat semasa perintah berkurung mula dikuatkuasakan di New Zealand, mendapati purata perbelanjaan setiap transaksi masyarakat meningkat sebanyak 12.7% pada awal Mac 2020 (Hall et al, 2020). Peningkatan berbelanja ini tidak mustahil berlaku di banyak negara, memandangkan kerisauan, kepanikan, dan kecemasan dalam persediaan bahan dan makanan untuk menempuh tempoh perintah berkurung menyebabkan aspek dalaman yang mendorong emosi masyarakat untuk berfikir secara kurang rasional dan membawa kepada kesan pembelian secara panik. Namun apa yang berlaku di negara ini, sebelum kerajaan membuat pengumuman berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pelbagai khabar angin dan berita palsu telah disebarkan tentang penguatkuasaan perintah berkurung sepenuhnya. Penularan berita yang tiada kesahihan itu secara tidak langsung menyebabkan ramai individu awam keluar membuat pembelian secara panik (Anon, 2020b).

Disebabkan situasi yang membimbangkan orang ramai untuk keluar berbelanja, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah melancarkan kempen 'Shop Malaysia Online' untuk memacu

pemulihan ekonomi negara pasca COVID-19 menerusi usaha mendorong serta menggalakan rakyat berbelanja secara dalam talian. Kempen yang dilancarkan tersebut merupakan antara inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) hasil kerjasama kerajaan dengan sektor swasta. Hasil kajian yang dilakukan oleh (Abdul Rashid & Hassan, 2021) menunjukkan responden seramai 75 orang peniaga mengakui bahawa perniagaan dalam talian dapat membantu mengembangkan perniagaan sekaligus menambah pendapatan mereka semasa musim Pandemi Covid-19 terus menular. Malah kajian tersebut dapat di sokong lagi dengan hasil kajian Yang & Lundin (2020) yang menunjukkan majoriti pengusaha di China bersetuju untuk meningkatkan pelaburan antara 10 hingga 30% dalam aspek perniagaan digital semasa tempoh Pandemi Covid-19 disebabkan strategi perniagaan berasaskan digital menjadi sangat penting dan strategik serta mampu menjadi pemacu transformasi digital ke arah perkembangan ekonomi di China pada masa kini dan akan datang. Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan jelas membuktikan bahawa gaya berbelanja masyarakat semasa pandemik telah pun berubah dan masyarakat lebih cenderung untuk berbelanja secara atas talian semasa Pandemi Covid-19 menular.

#### Kesan Pandemi Covid-19 terhadap Gaya Berbelanjaan

Di Malaysia, dapat saksikan perubahan gaya berbelanja semasa pandemik Covid-19 menular. Usahawan-usahawan tani yang terjejas banyak membuat keputusan beralih kepada medium jualan atas talian (online) seperti Facebook dan Whatapps untuk memasarkan hasil tani dan mengambil langkah untuk membuat penghantaran persendirian. Tujuannya adalah untuk penjimatan kos operasi melalui pengecilan skala perniagaan. Menurut Pengarah Urusan Serantau Shopee, Ian Ho, hal itu bukan hanya menyebabkan penerapan e-dagang yang kuat dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan, malah mewujudkan segmen pasaran baharu untuk industri berkenaan (Anon, 2021).

Perkara ini dapat dilihat bahawa petani, nelayan dan usahawan mula melibatkan diri dalam platform e-dagang apabila hasil segar seperti ikan ayam, daging lembu mula dijual di platform seperti Shopee dan menunjukkan trend peningkatan dalam penjualannya. Hal ini jelas membuktikan bahawa masyarakat lebih cenderung membeli secara atas talian semasa pandemik Covid-19 menular (Anon, 2021). Oleh itu, jelas membuktikan bahawa masyarakat mengubah gaya

berbelanja mereka dengan menggunakan platform yang tersedia secara atas talian di sebabkan rasa bimbang untuk keluar rumah sejak virus Covid-19 mula menular.

## METODOLOGI

### Rekabentuk Kajian, Alat Pengukuran Dan Analisis Data

Kajian ini adalah untuk mengetahui gelagat berbelanja masyarakat semasa pandemik Covid-19. Pendekatan kuantitatif (Mohd Majid Konting, 2005) digunakan dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti gelagat pengurusan perbelanjaan, menganalisis perbezaan gaya berbelanja bagi pekerja sektor awam, swasta dan bekerja sendiri serta mengenalpasti kecenderungan masyarakat berbelanja ke arah keperluan ataupun kehendak semasa Pandemi Covid-19. Penyelidikan ini disasarkan secara rawak kepada penduduk di Tanjong Karang, Selangor Malaysia. Jumlah sampel melibatkan seramai 100 individu. Respondan yang disasarkan adalah golongan yang bekerja dalam sektor swasta, kerajaan dan bekerja sendiri yang terdiri dalam lingkungan umur 19 hingga 60 tahun.

Kajian ini adalah untuk mengkaji mengenai perbezaan corak berbelanja masyarakat mengikut sektor pekerjaan yang diceburi. Persampelan mudah digunakan dalam kajian ini diperoleh melalui platform Google Form. Soal selidik kajian ini terdiri daripada 5 bahagian iaitu bahagian A,B,C,D dan E: bahagian A dan B adalah untuk mengukur demografi responden serta perubahan status pekerjaan responden semasa Pandemi Covid 19, bahagian C mengukur gelagat pengurusan perbelanjaan responden semasa Pandemi Covid-19 dan menganalisis perbezaan gaya berbelanja semasa Pandemi Covid-19 bagi pekerja sektor awam, swasta dan bekerja sendiri. Akhir sekali, bahagian D dan E pula mengukur kecenderungan masyarakat berbelanja kearah keperluan ataupun kehendak. Bahagian C hingga bahagian E dikumpulkan menggunakan soalan skala Likert, di mana; 1: sangat tidak setuju, 2: tidak setuju, 3: neutral, 4: setuju dan 5: sangat setuju. Secara kesimpulannya, bahagian C soal selidik ini akan menjawab objektif kedua bagi kajian ini iaitu menganalisis perbezaan gaya berbelanja semasa Pandemi Covid-19 bagi pekerja sektor awam, swasta, dan bekerja sendiri. Bahagian D dan E pula akan menjawab objektif ketiga kajian ini iaitu mengenalpasti kecenderungan masyarakat berbelanja kearah keperluan ataupun kehendak. Untuk objektif pertama kajian ini iaitu mengenalpasti gelagat pengurusan perbelanjaan semasa Pandemi Covid-19 akan disimpulkan oleh

pengkaji dengan menggunakan keseluruhan bahagian B, C, D dan E soal selidik ini.

Untuk menganalisis data kuantitatif yang dikumpulkan dari kajian ini, SPSS “*Statistical Package Social Science*” telah digunakan. Data yang dikumpulkan bertujuan untuk menyokong maklumat penyelidikan. Kaedah analisis deskriptif dan regresi berganda dengan menggunakan frekuensi, min, sisihan piawai dan ANOVA untuk mengukur perbezaan perbelanjaan antara setiap sektor pekerjaan dan status pendapatan responden semasa Pandemik Covid-19. Akhir sekali, keseluruhan kajian ini dapat disimpulkan bagi menjawab objektif pertama kajian ini, iaitu mengenalpasti gelagat pengurusan perbelanjaan semasa Pandemik Covid-19.

## HASIL KAJIAN

### Demografi Respondan

Data demografi responden ditunjukkan dalam Jadual 1, mengikut data mereka seperti jantina, umur, bentuk pekerjaan, sektor pekerjaan, pendapatan dan cara bekerja semasa pandemik Covid-19. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif, pengkaji telah menganalisis berdasarkan mengenalpasti sektor pekerjaan, majoriti dalam kajian ini dipelopori oleh responden yang bekerja sendiri (38%) kemudian diikuti oleh penjawat awam (33%) dan sektor swasta (29%). Dari segi umur, 49% responden yang berumur dibawah 24 tahun, 15% berumur 25 hingga 30 tahun, 13% berumur 31 hingga

JADUAL 1. Demografi responden

Pemboleh ubah Demografi		Sampel kajian (n=100)	
		Frekuensi	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	47	47.0
	Perempuan	53	53.0
Umur	19 hingga 21	20	20.0
	22 hingga 24	29	29.0
	25 hingga 30	15	15.0
	31 hingga 40	13	13.0
	41 hingga 60	23	23.0
Bentuk Pekerjaan	Sepenuh masa	54	54.0
	Separuh masa	13	13.0
	Pelajar	30	30.0
	Tidak bekerja	3	3.0
Sektor Pekerjaan	Swasta	29	29.0
	Penjawat awam	33	33.0
	Bekerja sendiri	38	38.0
Pendapatan	Kurang dari RM1000	35	35.0
	RM1001 – RM2000	19	19.0
	RM2001 – RM3000	16	16.0
	RM3001 – RM4000	7	7.0
	Lebih dari RM4000	23	23.0
Cara Bekerja	Di pejabat	34	34.0
	Di rumah	66	66.0

40 dan 23% berumur 41 tahun dan keatas. Dari segi peratusan lelaki dan perempuan kira-kira 47% dan 53%. Dari status bentuk pekerjaan, 54% responden adalah

bekerja sepenuh masa, 13% bekerja separuh masa, 30% adalah pelajar dan 3% tidak bekerja. Sebanyak 35% responden berpendapatan di bawah RM1000, 19%

respondan berpendapatan RM1001 hingga RM2000, 16% responden berpendapatan RM2001 hingga RM3000, 7% responden berpendapatan RM3001 hingga RM4000 dan 23% responden berpendapatan lebih dari RM4000. Dari segi cara bekerja responden semasa Pandemik Covid-19 mendapati 34% responden bekerja di pejabat dan 66% responden bekerja di rumah sendiri.

#### Perubahan Status Pekerjaan Respondan semasa Pandemik Covid-19

Jadual 2 menunjukkan status pekerjaan respondent kesan dari pandemik Covid 19. Berdasarkan status responden semasa Pandemik Covid-19, 95% responden masih bekerja dan 5% responden telah dibuang atau kehilangan pekerjaan. Dari segi status gaji, 33% responden mengalami pengurangan gaji dan 67% responden lagi pendapatan mereka tidak terjejas.

JADUAL 2. Status Pekerjaan Respondan responden

Status Respondan Semasa Pandemik Covid-19		Sampel kajian (n=100)	
		Frekuensi	Peratusan (%)
Status Pekerjaan	Bekerja	95	95.0
	Dibuang kerja	5	5.0
Status Gaji	Pengurangan Gaji	33	33.0
	Tidak Terjejas	67	67.0

Gelagat pengurusan perbelanjaan mengikut status pendapatan responden semasa Pandemik Covid-19.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan analisis deskriptif di mana frekuensi dan purata telah digunapakai untuk menentukan purata gaya berbelanja responden yang pendapatan terjejas dan tidak terjejas. Berdasarkan analisis, secara purata responden yang pendapatan terjejas setuju (Min = 4.333) dan responden yang pendapatan tidak terjejas setuju (Min = 4.194) bahawa mereka

lebih berjimat cermat semasa berbelanja (C1). Bagi soalan C2 'saya akan merancang dahulu sebelum membeli', responden yang pendapatan terjejas setuju (Min = 4.394 dan responden yang pendapatan tidak terjejas turut setuju (Min = 4.433). Bagi soalan C3 'saya lebih mengutamakan pembelian yang mempunyai promosi', responden yang pendapatan terjejas setuju (Min = 4.182) dan responden yang pendapatan tidak terjejas turut setuju (Min = 4.537).

JADUAL 3. Gelagat pengurusan perbelanjaan responden semasa Pandemik Covid-19 mengikut status pendapatan responden.

Item	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		Purata (Min)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
C1	0	2	1	2	5	11	9	18	18	34	4.333	4.194
C2	0	0	0	0	4	8	12	22	17	37	4.394	4.433
C3	1	0	3	2	3	5	8	15	18	45	4.182	4.537
C4	0	0	0	1	5	9	8	16	20	41	4.455	4.448
C5	2	4	6	8	4	7	5	22	16	26	3.818	3.866

Ya adalah mewakili responden yang Pendapatan Terjejas, manakala Tidak mewakili responden Pendapatan Tidak Terjejas.

Seterusnya bagi soalan C4 'Saya akan membahagi dan mengurus gaji saya secara bijak untuk perbelanjaan setiap bulan', didapati responden yang pendapatan terjejas setuju (Min = 4.455) dan responden yang pendapatan tidak terjejas turut setuju (Min = 4.448). Akhir sekali, bagi soalan C5 'Saya lebih cenderung berbelanja secara atas talian seperti; Shopee, Lazada, Grabfood dan sebagainya yang mempunyai promosi', didapati kedua-dua kumpulan responden tidak pasti dengan masing-masing berpurata sebanyak (Min = 3.818) dan (Min = 3.866). Namun begitu, jumlah Min kedua-dua kumpulan responden yang menghampiri purata 4 menunjukkan purata responden lebih kearah setuju berbanding tidak pasti. Jadual 3

menunjukkan analisis deskriptif gelagat pengurusan perbelanjaan responden semasa Pandemik Covid-19 mengikut status pendapatan responden. (Frekuensi dan Purata)

#### Perbezaan gaya berbelanja semasa Pandemik Covid-19 bagi pekerja sektor awam, swasta dan bekerja sendiri

Kajian ini menggunakan ANOVA untuk menentukan perbezaan signifikan antara responden dengan kategori sektor pekerjaan dan min untuk menganalisis purata skala likert yang dijawab oleh responden bagi mengenalpasti subkumpulan yang mempunyai

JADUAL 4. Perbezaan gaya berbelanja semasa Pandemik Covid-19 bagi pekerja sektor awam, swasta dan bekerja sendiri.

Item	Sektor Pekerjaan			
	Swasta	Penjawat Awam	Bekerja Sendiri	
Saya lebih berjimat cermat semasa berbelanja	Mean	4.0345	4.1818	4.4474
	Std dev	1.20957	0.88227	0.79517
	Anova	F	1.614	
		Sig.	.204	
Saya akan merancang dahulu sebelum membeli	Mean	4.4138	4.4242	4.4211
	Std dev	0.77998	0.61392	0.72154
	Anova	F	0.002	
		Sig.	.998	
Saya lebih mengutamakan pembelian yang mempunyai promosi	Mean	4.1379	4.4848	4.5789
	Std dev	1.05979	0.83371	0.82631
	Anova	F	2.092	
		Sig.	.129	
Saya akan membahagi dan mengurus gaji saya secara bijak untuk perbelanjaan setiap bulan	Mean	4.3448	4.4848	4.5000
	Std dev	0.76885	0.79535	0.76229
	Anova	F	0.379	
		Sig.	.685	
Saya lebih cenderung berbelanja secara atas talian seperti; Shopee, Lazada, Grabfood dan sebagainya yang mempunyai promosi	Mean	3.5517	3.8485	4.0789
	Std dev	1.29797	1.22783	1.28150
	Anova	F	1.420	
		Sig.	.247	

perbezaan signifikan. Berdasarkan analisis dalam Jadual 4, purata soalan 'saya lebih berjimat cermat semasa berbelanja' menunjukkan sektor swasta memilih setuju (Min = 4.0345), penjawat awam (Min = 4.1818) dan responden yang bekerja sendiri sebanyak (Min = 4.4474). Bagi soalan 'saya akan merancang dahulu sebelum membeli', purata responden turut setuju (Min = 4.4138) bagi sektor swasta, (Min = 4.4242) bagi penjawat awam dan (Min 4.4211) bagi responden yang bekerja sendiri. Bagi soalan 'saya lebih mengutamakan pembelian yang mempunyai promosi', purata responden bersetuju namun bagi responden bekerja sendiri mempunyai min sedikit tinggi yang menunjukkan bahawa purata mereka turut menjawab sangat setuju dengan masing-masing sebanyak (Min = 4.1379) untuk sektor swasta, (Min = 4.4848) penjawat awam dan (Min = 4.5789) bagi responden bekerja sendiri.

Seterusnya, bagi soalan 'saya akan membahagi dan mengurus gaji saya secara bijak untuk perbelanjaan setiap bulan', menunjukkan responden turut menjawab setuju namun bagi responden bekerja sendiri berada ditengah-tengah antara setuju dan sangat setuju dengan masing-masing sebanyak (Min = 4.3448) sektor swasta, (Min = 4.4848) penjawat awam dan (Min = 4.5000) bagi responden yang bekerja sendiri.

Akhir sekali, bagi soalan 'saya lebih cenderung berbelanja secara atas talian seperti; Shopee, Lazada, Grabfood dan sebagainya yang mempunyai promosi', menunjukkan purata responden menjawab tidak pasti, namun purata ini juga menunjukkan jumlah min yang agak tinggi menuju kearah setuju dan bagi responden

yang bekerja sendiri menjawab setuju dengan masing-masing sebanyak (Min = 3.5517) sektor swasta, (Min = 3.8485) penjawat awam dan (Min = 4.0789) bagi responden yang bekerja sendiri.

#### Perbezaan kecenderungan masyarakat berbelanja kearah keperluan atau kehendak

Berdasarkan analisis Jadual 5 dan Jadual 6 menunjukkan purata min dan sisihan piawai kecenderungan responden berbelanja kearah keperluan dan kehendak semasa Pandemik Covid-19 dengan menggunakan min sebagai pengukur skala likert dalam soal selidik. Dalam Jadual 5 bagi soalan 'saya mengutamakan barangan keperluan di rumah' menunjukkan (Min = 4.6700) dan (Sisihan piawai = 0.62044). Bagi soalan 'saya hanya membeli produk yang sesuai dengan keperibadian', menunjukkan (Min = 4.4200) dan (Sisihan piawai = 0.75452). Bagi soalan 'Saya ada berbelanja terhadap pendidikan', (Min = 4.1200) dan (Sisihan piawai = 1.03748). Seterusnya, bagi soalan 'saya berbelanja terhadap pengangkutan dan perkhidmatan', (Min = 3.6300) dan (Sisihan piawai = 1.26854). Akhir sekali, bagi soalan 'saya berbelanja terhadap gadget, komunikasi dan internet', (Min = 3.9900) dan (Sisihan piawai = 1.08707). Pola perbelanjaan berdasarkan keperluan ini bukan sahaja berlaku kepada dalam negara malah juga menjadi gaya amalan di bahagian bahagian lain seluruh dunia (Butu et al, 2020).

JADUAL 5. Kecenderungan masyarakat berbelanja kearah keperluan.

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya mengutamakan barangan keperluan di rumah	4.6700	0.62044
Saya hanya membeli produk yang sesuai dengan keperibadian	4.4200	0.75452
Saya ada berbelanja terhadap pendidikan	4.1200	1.03748
Saya berbelanja terhadap pengangkutan dan perkhidmatan	3.6300	1.26854
Saya berbelanja terhadap gadget, komunikasi dan internet	3.9900	1.08707

Dalam Jadual 6, bagi soalan 'saya berbelanja apa sahaja yang menjadi trend ikutan semasa', menunjukkan (Min = 1.9900) dan (Sisihan piawai = 0.99995). Bagi soalan 'saya tetap mengumpul duit dan membeli barangan yang saya inginkan walaupun tiada kepentingan dalam kehidupan seharian', menunjukkan (Min = 2.5500) dan (Sisihan piawai = 1.32859). Bagi

soalan 'saya berbelanja terhadap permainan video', menunjukkan (Min = 1.9000) dan (Sisihan Piawai = 1.19342). Seterusnya, bagi soalan 'saya berbelanja terhadap hiburan', menunjukkan (Min = 2.2900) dan (Sisihan piawai = 1.29720). Akhir sekali, bagi soalan 'saya berbelanja terhadap perlancongan', menunjukkan (Min = 2.2300) dan (Sisihan piawai = 1.23791).

JADUAL 6. Kecenderungan masyarakat berbelanja kearah kehendak.

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya berbelanja apa sahaja yang menjadi trend ikutan semasa	1.9900	0.99995
Saya tetap mengumpul duit dan membeli barangan yang saya inginkan walaupun tiada kepentingan dalam kehidupan seharian	2.5500	1.32859
Saya berbelanja terhadap permainan video	1.9000	1.19342
Saya berbelanja terhadap hiburan	2.2900	1.29720
Saya berbelanja terhadap perlancongan	2.2300	1.23791

### PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Kajian ini dijalankan bagi mengetahui kesan pandemik Covid 19 terhadap pendapatan dan gelagat pengurusan berbelanja masyarakat pada masa kini. Kajian ini memfokus kepada tiga objektif utama dan dapatan bagi ke tiga tiga objektif tersebut akan dibincangkan di bawah supaya gambaran jelas kajian ini dapat dibentangkan untuk kepentingan bersama.

Objektif pertama iaitu melihat kesan Pandemik Covid-19 terhadap pendapatan penduduk. Berdasarkan hasil dapatan, kajian ini menunjukkan bahawa Pandemik Covid-19 memberikan kesan terhadap status pekerjaan di mana 5 daripada 100 responden dibuang atau kehilangan pekerjaan. Kajian ini dapat disokong dengan kenyataan laporan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang mendapati individu hilang pekerjaan di negara ini meningkat 42 peratus bagi suku pertama tahun ini kerana kesan Covid-19 (Anon, 2020b) Kajian ini juga menunjukkan bahawa walaupun hanya 5 daripada 100 responden dibuang kerja, namun golongan yang pendapatan terjejas mempunyai angka yang agak tinggi sebanyak 33 peratus iaitu mereka mengalami pengurangan gaji kesan daripada pandemik Covid-19. Untuk perniagaan pula, menurut Jabatan Perangkaan, cabaran utama yang dihadapi adalah membayar gaji (77 peratus), kekurangan pelanggan (66 peratus), membayar sewa premis (61 peratus), dan masalah aliran tunai (36 peratus) (Anon, 2020b). Jadi sekiranya situasi pandemik tidak dapat di atasi untuk tempoh masa yang lebih lama maka impak terhadap ekonomi akan semakin besar.

Dalam objektif kedua iaitu untuk mengenalpasti samada terdapat perbezaan gaya berbelanja semasa Pandemik Covid-19 bagi mereka yang pekerjaannya terkesan dengan pandemik (iaitu dibuang kerja atau mengalami pengurangan gaji) dengan mereka yang pekerjaannya tidak terkesan dengan pandemik ini

mengikut sektor pekerja iaitu yang bekerja di sektor awam, swasta dan yang bekerja sendiri. Kajian ini juga menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang jauh antara responden yang mengalami perubahan dan tidak mengalami perubahan pendapatan terhadap gaya berbelanja mereka. Purata responden menunjukkan mereka bersetuju mengekalkan dengan gaya berbelanja yang lebih berjimat cermat dan mengatur pembelian mereka secara bijak. Bagi objektif ini, kajian yang dijalankan mendapati setiap sektor pekerjaan yang berbeza ini mengamalkan gaya berbelanja yang hampir sama dengan menunjukkan jumlah trend purata yang berada di tahap yang setuju untuk amalan gaya berbelanja yang lebih berjimat cermat. Namun begitu, perbezaan yang agak ketara untuk responden yang bekerja sendiri, di mana mereka mereka lebih cenderung berbelanja secara atas talian seperti; Shopee, Lazada, Grabfood dan sebagainya yang mempunyai promosi kerana purata responden menunjukkan mereka setuju dengan soalan ini sedangkan sektor lain menunjukkan trend purata berada di bahagian tidak pasti. Ini selaras dengan pola gaya perbelanjaan yang menentukan kesejahteraan kewangan pekerja di Malaysia (Zaimah & Sarmila, 2016).

Bagi objektif ketiga pula iaitu melihat kecenderungan masyarakat berbelanja kearah keperluan ataupun kehendak Kajian ini menunjukkan bahawa secara purata responden memberikan jawapan daripada skala likert yang lebih tinggi pada bahagian kecenderungan responden berbelanja ke arah keperluan berbanding kehendak. Hal ini adalah kerana, purata menunjukkan setiap responden setuju pada setiap soalan berbelanja ke arah keperluan. Malah bagi bahagian berbelanja ke arah kehendak, purata responden menjawab sangat tidak setuju, di mana jelas menunjukkan bahawa masyarakat lebih menitik beratkan perbelanjaan terhadap keperluan berbanding kepentingan. Ini secara tidak langsung telah menjawab objektif ketiga kajian ini iaitu mengenalpasti kecenderungan masyarakat berbelanja kearah keperluan

ataupun kehendak semasa Pandemik Covid-19 (Zaimah & Sarmila, 2016).

Kesimpulannya, keseluruhan kajian ini telah menjawab objektif utama kajian ini iaitu mengenalpasti gelagat pengurusan perbelanjaan semasa Pandemik Covid-19. Berdasarkan setiap analisis kajian, pengkaji dapat meneliti bahawa walaupun rata-rata masyarakat yang pekerjaan dan pendapatannya terjejas, namun gaya berbelanja bagi mereka tidak terlalu berbeza. Kajian ini dapat membuktikan bahawa setiap masyarakat lebih mementingkan barangan dan perkhidmatan yang hanya mempunyai keperluan dalam kehidupan seharian. Hal ini adalah kerana, masyarakat perlu bijak berbelanja dan mengatur pembelian menggunakan pendapatan mereka disebabkan situasi Pandemik Covid-19 yang memberi impak yang sangat besar dalam mana-mana industri. Tambahan pula dalam situasi ketidakpastian bilakah pandemik ini akan berakhir, maka perubahan sikap di kalangan masyarakat amat penting untuk lebih berjimat dan berhemat dalam semua aspek perbelanjaan.

#### RUJUKAN

- Abdul Rashid, S. M. R., & Hassan, F. (2021) Amalan dan Penglibatan Peniaga Kecil melalui Perniagaan Digital semasa Pandemik Covid-19 di Malaysia. *Geografi*, 8(2), 1-20.
- Abu Hassan, M. R. (2020). Rakyat Perlu Ubah Gaya Hidup Berbelanja: Tun M. *Sinar Harian*. 06 April.
- Alzahrin Alias. (2020). Covid-19: Lebih 190,000 Usahawan Wanita Terjejas. *Berita Harian*. 06 April.
- Ammituh, R., & Abdullah, B. (2020). Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Sumber Pendapatan Isi Rumah: Kajian kes Semporna Sabah. *UMS*, 1-15.
- Anon. (2020). Covid-19: Hampir Separuh Responden Bekerja Sendiri Hilang Pekerjaan. *Sinar Harian*. 09 April.
- Anon. (2020a). Kesan PKP terhadap Perniagaan. *Berita Harian*. 14 Jun.
- Anon. (2020b). Kehilangan pekerjaan meningkat 42 peratus pada suku pertama - Perkeso. *Berita Harian*. 04 Jun.
- Anon. (2021). Perniagaan dalam talian tumbuh pesat. *Harian Metro*. 15 Januari.
- Aziz, A. R. A. (2020). Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 1-9.
- Bukhari, N. J., Hyun, K. K., Idris, A., & Yunus, M. M. (2020). Budaya dan kesannya ke atas perbelanjaan belia Melayu Kuala Lumpur. *e-Bangi*, 17(4).
- Butu, A., Brumă, I. S., Tanasă, L., Rodino, S., Dinu Vasiliu, C., Doboş, S., & Butu, M. (2020). The impact of COVID-19 crisis upon the consumer buying behavior of fresh vegetables directly from local producers. Case study: the quarantined area of suceava county, Romania. *International journal of environmental research and public health*, 17(15), 548-556.
- Gani, N. S., Fitriana, A. D., Sila, A. M., Fitriani, R., Yuliarti, A., Thalib, F., & Umar, N. J. (2020). *Covid 19 Dalam Bingkai Komunikasi*. IAIN Parepare Nusantara Press.
- Hall, M. C., Prayag, G., Fieger, P., & Dyason, D. (2020). Beyond panic buying: consumption displacement and COVID-19. *Journal of Service Management*, 32(1), 112-125.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rabeatul Husna Abdull Rahman. (2020). Kesan Covid-19 ke atas pekerja dan majikan. *Astro Awani*. 16 April.
- Siti Khaireena Ulas & Abu Zarren Selamat. (2021). Dilema moral mahasiswa dalam menghadapi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa pandemik covid-19: Satu kajian kes. *Qalam: International Journal of Islamic and Humanistic Research, MJSSH*, 1(1), 1-11.
- Yang, L. & Lundin, N. (2020). Covid-19 and Digital Transformation – What do we see now and what will we see soon? Beijing, Office of Science and Innovation.
- Zaimah, R., & Sarmila, M. S. (2016). Faktor-Faktor Penentu Kesejahteraan Kewangan Pekerja Di Malaysia. *e-BANGI*, 11, 229-240.

Norazila Mat\*, Muhammad Farhan Misron & Nur Atiqah Abdullah  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor D.E., Malaysia.

Jamsari Alias  
Pusat Pengajian Citra Universiti,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor D.E., Malaysia.

\*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: norazila@ukm.edu.my

Diserahkan: 12 Ogos 2021  
Diterima: 12 Ogos 2021